



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 6 / 2013
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**GARISPANDUAN MENGENAI PEMBERIAN *TIPS*/SAGU HATI
DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Garispanduan Mengenai Pemberian *Tips*/Sagu Hati Dalam Perkhidmatan Awam yang telah dilaksanakan pada 1 Januari 1996 adalah dengan ini dikemaskinikan.

Sehubungan dengan ini, perubahan dan pengemaskinian pemberian *tips* adalah dihadkan kepada jenis/bentuk perkhidmatan tertentu. Kadar pemberian *tips* juga telah dikaji semula bagi setiap kali/hari perkhidmatan mengikut kumpulan negeri dan jenis perkhidmatan.

TARIKH GARISPANDUAN BARU BERKUATKUASA

Garispanduan Mengenai Pemberian *Tips*/Sagu Hati Dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1996 adalah dengan ini dibatalkan pada 19hb Ogos 2013. Garispanduan yang baru ini mula berkuatkuasa pada 19hb Ogos 2013.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

‘Menghormati Orang Tua, Hidup Berkat’

(HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (6) JPM/SK/2013
Tarikh: 24 Zulkaedah 1434
30 September 2013



**GARISPANDUAN MENGENAI
PEMBERIAN *TIPS*/SAGU HATI
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH BERKUATKUASA:

19 Ogos 2013

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 06/2013

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pemberian *tips*/sagu hati telah menjadi satu budaya dalam dunia korporat. Oleh itu, garispanduan sebagai sukat-sukat dalam pemberian *tips*/sagu hati perlu diadakan.
- 1.2. Garispanduan ini bertujuan untuk memastikan penggunaan *tips* lebih teratur dan konsisten.
- 1.3. Garispanduan ini dihasratkan agar kadar pemberian *tips* lebih berpatutan dan mengikut perkembangan semasa.
- 1.4. Garispanduan ini akan mengawal penggunaan peruntukkan Wang Pendahuluan.

2. KATEGORI PEGAWAI

- 2.1. Keistimewaan (*privilege*) dalam memberikan *tips*/sagu hati adalah dikhususkan kepada kategori-kategori pegawai seperti berikut:

2.1.1. Kategori A:

Speaker Majlis Mesyuarat Negara, Menteri-Menteri Kabinet, Ketua Hakim Negara, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, atau jawatan-jawatan yang bertaraf Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, orang-orang yang diberikan kedudukan khas, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap atas tugas/urusan rasmi.



2.1.2. Kategori B:

Pegawai yang bertanggungjawab untuk memberikan *tips* bagi pihak rombongan ialah mana-mana pegawai yang dilantik oleh ketua rombongan sebagai menjaga hal ehwal kewangan bagi rombongan berkenaan.

Ketua rombongan ialah mana-mana rombongan yang diketuai oleh Speaker Majlis Mesyuarat Negara, Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan yang dilantik bagi mengetuai rombongan, dengan sendirinya dipertanggungjawabkan ke atas pengeluaran dan penyelarasan wang pendahuluan.

2.1.3. Kategori C:

Ketua-ketua Jabatan yang diataskan bagi mewakili Menteri/Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Tetap.

2.1.4. Kategori D:

Pemberian *tips*/sagu hati bukan hanya tertumpu kepada Menteri atau ketua rombongan tetapi juga patut dilaratkan kepada semua ahli rombongan.



3. JENIS PERKHIDMATAN

3.1. Pemberian *tips/sagu hati* adalah dihadkan kepada beberapa jenis/bentuk perkhidmatan sahaja iaitu seperti berikut:-

- 3.1.1. Perkhidmatan pemandu (bagi kenderaan yang disediakan samada oleh negara tuan rumah atau Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam, termasuk *Riders/Prowlers* dan *Security Officers*).
- 3.1.2. Perkhidmatan Pegawai Keselamatan (*Personal Protection Officers*).
- 3.1.3. Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Awam atau Pegawai Pengiring (*Liaison Officers, Protocol Officers*) yang bukan terdiri daripada pegawai-pegawai Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam.
- 3.1.4. Perkhidmatan-perkhidmatan di tempat penginapan seperti *porter hotel, housekeeping, concierge, laundry, butler, maid chamber, doorman, bell boy* dan seumpamanya.
- 3.1.5. Perkhidmatan di Lapangan Terbang seperti *Porter Lapangan Terbang* semasa ketibaan dan pemergian balik (*arrival and departure*).



4. BENTUK DAN KADAR *TIPS* / SAGU HATI

- 4.1. *Tips*/sagu hati yang diberikan hendaklah berbentuk wang tunai atau cenderahati pada kadar yang telah ditentukan berpandukan kepada kadar maksima dan minima mengikut jenis perkhidmatan dan tempoh hari seperti di **lampiran A** dan kumpulan negeri yang dikunjungi iaitu seperti di **lampiran B**.
- 4.2. Kadar *tips*/sagu hati yang diberikan hendaklah bersandarkan kepada jenis/bentuk perkhidmatan yang diberikan. Dalam apa jua keadaan pun, kadar *tips*/sagu hati yang diberikan mestilah tidak melebihi kadar maksima dan tidak kurang daripada kadar minima yang ditetapkan di **lampiran A**.
- 4.3. Jika orang yang bertugas itu bertukar-tukar atau ramai bilangannya maka atas budi bicara pegawai yang bertanggungjawab untuk memberikan *tips*/sagu hati bagi pihak rombongan untuk mengaturkan jumlah pemberian *tips*/sagu hati pada kadar yang bersesuaian tetapi tidak melebihi kadar maksima dinyatakan di **lampiran A**.
- 4.4. Bagi perkhidmatan yang diberikan oleh lebih dari seorang pegawai dalam satu masa, pemberian *tips*/sagu hati hendaklah dihulurkan kepada setiap pegawai yang bertugas.
- 4.5. Bagi perkhidmatan pekerja-pekerja hotel/tempat penginapan/lapangan terbang dan perkhidmatan yang sebanding dengannya, kadar pemberian *tips*/sagu hati bagi perkhidmatan semasa ketibaan dan pemergian balik adalah dihulurkan secara berasingan.



5. PENGIRAAN PEMBERIAN *TIPS* / SAGU HATI

- 5.1 Jumlah pemberian *tips* adalah berpandukan kepada jumlah hari Ketua Rombongan berada di negara tersebut termasuk tarikh ketibaan dan keberangkatan.
- 5.2 Pemberian *tips*/sagu hati bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang berbentuk *one-off* iaitu di hotel-hotel atau lapangan terbang (bagi perkhidmatan-perkhidmatan di perenggan 3.1.4 dan 3.1.5) adalah diberikan bagi seorang setiap kali perkhidmatan.
- 5.3 Bagi pegawai yang perlu *transit* ataupun singgah di satu atau beberapa tempat selain daripada tempat persidangan/lawatan, jika di setiap tempat persinggahan itu disediakan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan, kadar bayaran dan pengiraan adalah sama seperti yang dinyatakan di **lampiran A**.
- 5.4 Kadar *tips*/sagu hati dihulurkan mengikut tempoh hari yang berterusan dalam negeri yang sama.

6. TATACARA PERMOHONAN *TIPS* / SAGU HATI

- 6.1. Setiap permohonan bagi mendapatkan wang pendahuluan bagi pemberian *tips*/sagu hati hendaklah dikeluarkan di atas nama Ketua Rombongan yang akan dipertanggungjawabkan keatas pengeluaran dan penyelarasan wang pendahuluan tersebut.
- 6.2. Permohonan wang pendahuluan hendaklah dihadapkan kepada Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan. Butir-butir cadangan bagi



tips/sagu hati yang akan diberikan hendaklah dinyatakan dengan memberikan pecahan-pecahan menurut kadar yang dinyatakan di dalam **lampiran A**.

- 6.3. Setiap permohonan hendaklah menyatakan nama pegawai yang akan mengendalikan *tips/sagu hati* berkenaan.
- 6.4. Pegawai berkenaan hendaklah menghadapkan penyata kewangan menggunakan borang penyata kewangan seperti contoh di **lampiran C** beserta dengan baki wang tunai yang tidak digunakan dalam tempoh masa dua (2) minggu setelah pulang semula ke Negara Brunei Darussalam. Butir-butir yang lengkap mengenai dengan perbelanjaan yang dilakukan menggunakan wang pendahuluan berkenaan hendaklah dinyatakan dan semua perbelanjaan disahkan oleh Ketua Rombongan.
- 6.5. Wang pendahuluan kali kedua dan seterusnya tidak akan diberikan sehingga penyata kewangan beserta dengan baki wang tunai yang tidak digunakan telah dikembalikan ke Jabatan Perbendaharaan.



LAMPIRAN A:
KADAR PEMBERIAN *TIPS*/SAGU HATI

KADAR PEMBERIAN TIPS/SAGU HATI

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	JUMLAH HARI	PANGKAT	KUMPULAN NEGERI			
				A	B	C	D
1	Perkhidmatan pemandu (bagi kenderaan yang disediakan oleh tuan rumah atau Pejabat Perwakilan NBD) dan Perkhidmatan Riders/Prowlers, Security Officers	1-7 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$50 - \$60 seorang sehari	\$40 - \$50 seorang sehari	\$30 - \$40 seorang sehari	\$20 - \$30 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$40 - \$48 seorang sehari	\$32 - \$40 seorang sehari	\$24 - \$32 seorang sehari	\$16 - \$24 seorang sehari
		8-14 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$45 - \$54 seorang sehari	\$36 - \$45 seorang sehari	\$27 - \$36 seorang sehari	\$18 - \$27 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$36 - \$43 seorang sehari	\$29 - \$36 seorang sehari	\$22 - \$29 seorang sehari	\$14 - \$22 seorang sehari
		15- 21 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$40 - \$48 seorang sehari	\$32 - \$40 seorang sehari	\$24 - \$32 seorang sehari	\$16 - \$24 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$32 - \$38 seorang sehari	\$26 - \$32 seorang sehari	\$19 - \$26 seorang sehari	\$13 - \$19 seorang sehari
		22 - 30 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$35 - \$42 seorang sehari	\$28 - \$35 seorang sehari	\$21 - \$28 seorang sehari	\$14 - \$21 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$28 - \$34 seorang sehari	\$22 - \$28 seorang sehari	\$17 - \$22 seorang sehari	\$11 - \$17 seorang sehari

Muka surat 1 dari 4

LAMPIRAN A

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	JUMLAH HARI	PANGKAT	KUMPULAN NEGERI			
				A	B	C	D
2	Perkhidmatan Pegawai Keselamatan (<i>Personal Protection Officer</i>)	1-7 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/Timbangan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$130 - \$140 seorang sehari	\$120 - \$130 seorang sehari	\$110 - \$120 seorang sehari	\$100 - \$110 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$104 - \$112 seorang sehari	\$96 - \$104 seorang sehari	\$88 - \$96 seorang sehari	\$80 - \$88 seorang sehari
		8-14 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/Timbangan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$117 - \$126 seorang sehari	\$108 - \$117 seorang sehari	\$99 - \$108 seorang sehari	\$90 - \$99 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$94 - \$101 seorang sehari	\$86 - \$94 seorang sehari	\$79 - \$86 seorang sehari	\$72 - \$79 seorang sehari
		15- 21 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/Timbangan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$104 - \$112 seorang sehari	\$96 - \$104 seorang sehari	\$88 - \$96 seorang sehari	\$80 - \$88 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$83 - \$90 seorang sehari	\$77 - \$83 seorang sehari	\$70 - \$77 seorang sehari	\$64 - \$70 seorang sehari
		22 - 30 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$91 - \$98 seorang sehari	\$84 - \$91 seorang sehari	\$77 - \$84 seorang sehari	\$70 - \$77 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$73 - \$78 seorang sehari	\$67 - \$73 seorang sehari	\$62 - \$67 seorang sehari	\$56 - \$62 seorang sehari

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	JUMLAH HARI	PANGKAT	KUMPULAN NEGERI			
				A	B	C	D
3	Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Awam, Pegawai Pengiring (Protokol) dan Pegawai Perantaraan (<i>Liaison Officer</i>) dari negara tuan rumah.	1-7 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$130 - \$140 seorang sehari	\$120 - \$130 seorang sehari	\$110 - \$120 seorang sehari	\$100 - \$110 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$104 - \$112 seorang sehari	\$96 - \$104 seorang sehari	\$88 - \$96 seorang sehari	\$80 - \$88 seorang sehari
		8-14 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$117 - \$126 seorang sehari	\$108 - \$117 seorang sehari	\$99 - \$108 seorang sehari	\$90 - \$99 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$94 - \$101 seorang sehari	\$86 - \$94 seorang sehari	\$79 - \$86 seorang sehari	\$72 - \$79 seorang sehari
		15- 21 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$104 - \$112 seorang sehari	\$96 - \$104 seorang sehari	\$88 - \$96 seorang sehari	\$80 - \$88 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$83 - \$90 seorang sehari	\$77 - \$83 seorang sehari	\$70 - \$77 seorang sehari	\$64 - \$70 seorang sehari
		22 - 30 hari	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$91 - \$98 seorang sehari	\$84 - \$91 seorang sehari	\$77 - \$84 seorang sehari	\$70 - \$77 seorang sehari
			Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$73 - \$78 seorang sehari	\$67 - \$73 seorang sehari	\$62 - \$67 seorang sehari	\$56 - \$62 seorang sehari

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	PANGKAT	KUMPULAN NEGERI			
			A	B	C	D
4	Perkhidmatan pekerja-pekerja Hotel/Tempat Penginapan (Bagi ketibaan dan pemergian balik sahaja)	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$14 - \$24 seorang sekali perkhidmatan	\$12 - \$20 seorang sekali perkhidmatan	\$10 - \$16 seorang sekali perkhidmatan	\$6 - \$10 seorang sekali perkhidmatan
		Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$11 - \$19 seorang sekali perkhidmatan	\$10 - \$16 seorang sekali perkhidmatan	\$8 - \$13 seorang sekali perkhidmatan	\$5 - \$8 seorang sekali perkhidmatan
5	Perkhidmatan Lapangan Terbang (Bagi ketibaan dan pemergian balik sahaja)	Speaker/Menteri/Ketua Hakim Negara/Hakim Mahkamah Tinggi Syariah/ Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Menteri/ Timbalan Menteri dan orang yang berkedudukan khas	\$20 - \$30 seorang sekali perkhidmatan	\$14 - \$28 seorang sekali perkhidmatan	\$12 - \$24 seorang sekali perkhidmatan	\$10 - \$20 seorang sekali perkhidmatan
		Setiausaha Tetap/ Timbalan Setiausaha Tetap Dan Jawatan-Jawatan Yang Bertaraf Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap	\$16 - \$24 seorang sekali perkhidmatan	\$11 - \$22 seorang sekali perkhidmatan	\$10 - \$19 seorang sekali perkhidmatan	\$8 - \$16 seorang sekali perkhidmatan

LAMPIRAN B:
JADUAL KUMPULAN NEGERI-NEGERI

JADUAL KUMPULAN NEGERI-NEGERI

NAMA KUMPULAN	NAMA RANTAU DAN NEGERI
Kumpulan A	<p>Amerika – Bahamas, Barbados, Canada, Cayman Islands, Equatorial Guinea, Puerto Rico, St. Kitts and Nevis, Trinidad and Tobago, Turks and Caicos Islands, United States.</p> <p>Asia – Hong Kong, Japan, South Korea, Macao, Singapore.</p> <p>Eropah – Andorra, Austria, Belgium, Croatia, Cyprus, Czech Republic, Denmark, Estonia, Germany, Channel Islands, Greece, Greenland, Hungary, Iceland, Ireland, Gibraltar, Isle of Man, Italy, Liechtenstein, Luxembourg, Norway, Poland, Portugal, San Marino, Slovak Republic, Slovenia, Spain, Sweden, Switzerland, Finland, France, Malta, Monaco, Netherlands, United Kingdom, Faroe Islands.</p> <p>Oceania – Australia, New Caledonia, New Zealand, Northern Mariana Islands, French Polynesia, Virgin Islands.</p> <p>Timur Tengah – Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Saudi Arabia, United Arab Emirates.</p>
Kumpulan B	<p>Afrika – Algeria, Botswana, Gabon, Mauritius, Namibia, Mayotte, Tunisia.</p> <p>Amerika – Brazil, Chile, Colombia, Costa Rica, Dominican Rep., Dominica, Grenada, Jamaica, Mexico, Panama, Peru, St. Lucia, St. Vincent and the Grenadines, Venezuela, Uruguay, Ecuador, Antigua and Barbuda, Cuba, Suriname.</p> <p>Asia – Azerbaijan, Kazakhstan, Malaysia, Turkey, Turkmenistan, Thailand, Maldives, China.</p> <p>Eropah – Argentina, Bosnia and Herzegovina, Belarus, Bulgaria, Lithuania, Latvia, Macedonia, Montenegro, Romania, Russian Federation, Serbia, Seychelles, South Africa.</p> <p>Oceania – Palau, Tuvalu.</p> <p>Timur Tengah – Lebanon, Jordan, Iran, Libya.</p>
Kumpulan C	<p>Afrika – Angola, Cameroon, Cape Verde, Congo. Rep, Cote d'Ivoire, Ghana, Lesotho, Nigeria, Senegal, Sudan, Swaziland, Zambia, Sao Tome and Principe, Djibouti.</p> <p>Amerika – Belize, Bolivia, El Salvador, Guatemala, Guyana, Honduras, Nicaragua, Paraguay.</p> <p>Asia – Bhutan, Indonesia, India, Mongolia, Pakistan, Papua New Guinea, Philippines, Sri Lanka, Uzbekistan, Vietnam, Vanuatu, Lao PDR, Timor Leste.</p> <p>Oceania – Marshall Islands, Micronesia, Samoa, Solomon Islands, Kiribati, Tonga, Fiji.</p> <p>Eropah – Armenia, Georgia, Moldova, Ukraine, Kosovo, Albania.</p> <p>Timur Tengah – Egypt, Iraq, Morocco, Syrian Arab Republic, West Bank and Gaza, Yemen.</p>
Kumpulan D	<p>Afrika – Benin, Burkina Faso, Burundi, Central African Republic, Chad, Comoros, Dem. Rep. Congo, Eritrea, Ethiopia, The Gambia, Guinea-Bissau, Kenya, Liberia, Madagascar, Malawi, Mali, Mauritania, Mozambique, Niger, Rwanda, Sierra Leone, Somalia, Tanzania, Togo, Uganda, Zimbabwe.</p> <p>Amerika – Haiti.</p> <p>Asia – Afghanistan, Bangladesh, Cambodia, North Korea, Kyrgyz Republic, Myanmar, Nepal, Tajikistan.</p>

LAMPIRAN C:
CONTOH PENYATA PERBELANJAAN

PENYATA PERBELANJAAN

NAMA MESYUARAT / PERSIDANGAN / KURSUS

TEMPAT:

TARIKH:

I.	Wang Pendahuluan diterima melalui Pv. Bil	B\$5,000.00
	Pertukaran matawang asing US \$2,500.00 @1.7486	B\$4,371.50
		<u>B\$ 628.50</u>
II.	Wang US\$ di tangan	US\$2,500.00
	Perbelanjaan:	
	1) Hotel	US\$1,630.00
	2) Transport Airport/Hotel/Airport	US\$ 100.00
	3) Airport Tax	US\$ 45.00
	4) Bayaran pendaftaran	US\$ 150.00
	5) Telephone/Fax (Urusan Rasmi)	US\$ 50.00
	6)	US\$
	7)	US\$
	8)	US\$
	Jumlah Perbelanjaan	<u>US\$1,975.00</u>
	Baki wang US\$	<u>US\$ 525.00</u>
	Jumlah Perbelanjaan dalam B\$ (US\$1,975 @ 1.7486)	<u>B\$3,453.48</u>
III.	Baki Wang Brunei di tangan	B\$ 628.50
	Perbelanjaan	
	1) Airport Tax	B\$ 36.00
	2)	B\$
	3)	B\$
	Jumlah Perbelanjaan	<u>B\$ 36.00</u>
	Baki wang B\$	<u>B\$ 592.50</u>
IV.	Baki US\$ US\$ 525.00 @ 1.7315	B\$ 909.03
	Baki B\$	<u>B\$ 592.50</u>
	Wang dikembalikan melalui Rt. Perbendaharaan Bil.	<u>B\$ 1,501.53</u>
V.	Keuntungan / (Kerugian) pertukaran matawang asing	
	US\$525.00 @ 1.7486 (March Rate)	B\$ 918.01
	US\$525.00 @ 1.7315 (April Rate)	<u>B\$ 909.02</u>
	Jumlah kerugian	<u>B\$ 8.99</u>
VI.	RINGKASAN	
	Wang Pendahuluan Try. Pv. No	<u>B\$ 5,000.00</u>
	Jumlah Perbelanjaan (B\$ 3,453.48 + B\$ 36.00)	<u>B\$ 3,489.48</u>
	Baki dikembalikan Rt. Jabatan Perbendaharaan bil ...	<u>B\$ 1,501.53</u>
	Kerugian pertukaran matawang asing	<u>B\$ 8.99</u>
	Jumlah	<u><u>B\$ 5,000.00</u></u>

Saya mensahkan bahawa perbelanjaan tersebut adalah benar dan bersama ini saya lampirkan dokumen dokumen perbelanjaan dan resit-resit asal bagi menyokong perbelanjaan tersebut.

.....
(Nama Pegawai)